



**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**JADUAL WAKTU
(UJIAN BERTULIS)**

**SIJIL VOKASIONAL MALAYSIA
PENILAIAN AKHIR SEMESTER 4 SESI 2/2015**

KOLEJ VOKASIONAL KPM (KV KPM)

**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN DAN ARAHAN PETAKSIRAN
SIJIL VOKASIONAL MALAYSIA (SVM)
2015**

BAHAGIAN A

ARAHAN AM KEPADA PENGARAH/PENGETUA

1. Pengarah/Pengetua hendaklah mengedarkan Jadual Waktu Penilaian Akhir (PA) SVM kepada semua calon.
2. Pengetua hendaklah memberitahu calon tentang Garis Panduan dan Arahan Pentaksiran yang dinyatakan dalam Jadual Waktu PA sebelum PA SVM.
3. Pengarah/Pengetua hendaklah menyemak bahan pentaksiran menepati keperluan menjawab instrumen PA yang ditawarkan di institut pada tahun semasa.
4. Pengarah/Pengetua hendaklah memastikan calon telah membaca dan memahami Garis Panduan dan Arahan Pentaksiran yang dinyatakan dalam Jadual Waktu PA dan menandatangani Borang Pengakuan Calon (LP/SVM/BPC/2015).
5. Pengetua/Pengetua hendaklah memberitahu calon tentang Bahagian D (Amaran Kepada Calon) dalam Jadual Waktu PA sebelum calon masuk ke dewan/bilik pentaksiran.
6. Pengetua/Pengetua hendaklah merujuk kepada Buku Panduan Pengurusan Pusat Peperiksaan Bertulis (Cetakan 2010) dan Buku Panduan Pengurusan Peperiksaan (Cetakan 2010).

BAHAGIAN B

ARAHAN AM KEPADA KETUA PENGAWAS

1. Ketua Pengawas hendaklah memastikan semua Garis Panduan dan Arahan Pentaksiran dalam Jadual Waktu PA dimaklumkan kepada calon.
2. Ketua Pengawas hendaklah mencatatkan di papan tulis dan maklumkan kepada calon butiran kod kertas, nama kertas, waktu, masa pentaksiran dan *errata* (jika ada) bagi kertas pentaksiran.
3. Ketua Pengawas hendaklah mengedarkan kertas pentaksiran mengikut tarikh dan waktu yang tercatat dalam Jadual Waktu PA.
4. Ketua Pengawas hendaklah mengedarkan kertas pentaksiran dengan muka hadapan kertas pentaksiran di sebelah atas.
5. Ketua Pengawas hendaklah mengarahkan calon supaya menyemak butiran kod kertas, nama kertas, masa pentaksiran dan arahan pada muka hadapan kertas pentaksiran bagi memastikan calon mendapat kertas yang betul.
6. Ketua Pengawas hendaklah memastikan calon mengemukakan dokumen sokongan seperti surat perakuan doktor sebagai bukti calon tidak dapat menduduki mana-mana kertas pentaksiran.
7. Ketua Pengawas hendaklah memastikan bilangan skrip jawapan calon yang dikumpul akur dengan bilangan calon yang hadir bagi sesuatu kertas pentaksiran.
8. Ketua Pengawas hendaklah merujuk kepada Buku Panduan Pengurusan Pusat Peperiksaan Bertulis Cetakan 2010).

BAHAGIAN C

ARAHAN KEPADA CALON

1. ARAHAN AM

- 1.1 Calon wajib menduduki semua kertas pentaksiran bagi mata pelajaran yang didaftar. Calon yang tidak dapat menduduki mana-mana kertas pentaksiran dianggap **TIDAK HADIR** bagi mata pelajaran berkenaan. Calon yang tidak dapat menduduki mana-mana kertas pentaksiran dikehendaki mengemukakan alasan yang kukuh dan dibuktikan dengan dokumen sokongan seperti surat perakuan doktor. Dokumen sokongan ini hendaklah diserahkan kepada Ketua Pengawas sebelum tamat tempoh PA.
- 1.2 Calon hendaklah membaca Garis Panduan dan Arahan PA yang dinyatakan dalam Jadual Waktu PA SVM Sesi 2 2015 dan menandatangani Borang Pengakuan Calon LP/SVM/BPC/2015.

2. ARAHAN DI DEWAN/BILIK PENTAKSIRAN

- 2.1 Calon hendaklah berada di tempat duduk di dalam dewan/bilik pentaksiran 15 minit sebelum pentaksiran dimulakan.
- 2.2 Calon dibenarkan menduduki pentaksiran atas budi bicara Ketua Pengawas sekiranya tiba 30 minit selepas pentaksiran dimulakan. Calon mestilah mengemukakan alasan yang kukuh. Masa gantian tidak akan diberikan.

3. ARAHAN KEPADA CALON TENTANG KERTAS PENTAKSIRAN

- 3.1 Calon hendaklah menyemak butiran kod kertas, nama kertas, masa pentaksiran dan arahan pada muka hadapan kertas pentaksiran bagi memastikan calon mendapat kertas pentaksiran yang betul.
- 3.2 Calon hendaklah memaklumkan kepada Ketua Pengawas dengan segera jika menerima kertas pentaksiran yang salah atau tidak lengkap.
- 3.3 Calon hendaklah membaca dan mematuhi semua arahan pada muka hadapan dan muka belakang (jika ada) kertas pentaksiran sebelum pentaksiran dimulakan.

4. ARAHAN KEPADA CALON TENTANG SKRIP JAWAPAN CALON

- 4.1 Calon hendaklah menulis Angka Giliran, Nombor Kad Pengenalan, Kod Kertas dan Nama Kertas dengan jelas pada ruangan yang disediakan pada kertas pentaksiran, Helaian Tambahan (HT), graf, dan sebagainya.
- 4.2 Calon hendaklah menulis jawapan dengan menggunakan pena mata bola berdakwat hitam atau biru. Pensel atau pena mata bola berdakwat selain hitam atau biru boleh digunakan untuk melukis gambar rajah dan peta.
- 4.3 Calon hendaklah menulis semua jawapan dalam Bahasa Melayu kecuali bagi kertas pentaksiran yang membenarkan atau memerlukan calon menjawab dalam bahasa lain.
- 4.4 Calon hendaklah membawa peralatan geometri bagi mata pelajaran yang memerlukannya.
- 4.5 Calon hendaklah berada di tempat duduk masing-masing semasa skrip jawapan calon dikumpul semula oleh Pengawas Pentaksiran.

BAHAGIAN D

AMARAN KEPADA CALON PENTAKSIRAN

1. Dilarang membawa masuk sebarang dokumen seperti buku, nota, catatan, lukisan, grafik, akhbar, kamus, kertas, Jadual Waktu Penilaian Akhir serta telefon bimbit atau alat-alat komunikasi, kotak pensel dan beg ke dalam dewan/bilik pentaksiran kecuali alat tambahan yang dibenarkan semasa pentaksiran.
2. Dilarang menulis nota pada dinding atau meja tulis di dewan/bilik pentaksiran.
3. Dilarang membuat rujukan di luar dewan/bilik pentaksiran semasa pentaksiran.
4. Dilarang menyamar atau membenarkan orang lain menyamar bagi pihak calon.
5. Dilarang memberikan pertolongan, mendapatkan pertolongan, berhubung dengan orang lain di dalam atau di luar dewan/bilik pentaksiran atau menggunakan bahasa isyarat untuk tujuan meniru.
6. Dilarang mendedahkan kertas pentaksiran atau skrip jawapan calon sehingga boleh dibaca oleh calon lain.
7. Dilarang menukar kertas pentaksiran atau skrip jawapan calon dengan calon lain.
8. Dilarang menukar tempat duduk yang telah ditetapkan tanpa kebenaran daripada Ketua Pengawas.
9. Dilarang membawa kertas pentaksiran keluar dari dewan/bilik pentaksiran semasa pentaksiran.
10. Dilarang keluar dari dewan/bilik pentaksiran 30 minit pertama pentaksiran dimulakan dan 10 minit terakhir sebelum pentaksiran ditamatkan.
11. Dilarang mengganggu ketenteraman di dalam atau berhampiran dewan/bilik pentaksiran semasa pentaksiran.
12. Dilarang memakai pakaian yang tidak sopan dan menjolok mata.
13. Dilarang merokok di dalam dewan/bilik pentaksiran.
14. Sebarang perbuatan yang melanggar peraturan pentaksiran dianggap salah laku dan akan menyebabkan calon dikenakan tindakan tatatertib. Menurut Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Pentaksiran) 1997 dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) salah laku ertinya menipu, menyamar, menyeludup apa-apa yang tidak dibenarkan atau apa-apa salah laku yang lain yang disifatkan sebagai suatu salah laku serius oleh Lembaga Peperiksaan. Calon yang disabitkan dengan mana-mana salah laku di atas boleh dikenakan tindakan berikut:-
 - 14.1 keputusan pentaksiran digantung sementara menunggu selesainya penyiasatan;
 - 14.2 keputusan pentaksiran mana-mana kertas pentaksiran dibatalkan;
 - 14.3 keputusan pentaksiran yang dikendalikan di sesuatu pusat pentaksiran diisytiharkan terbatal.

TARIKH	WAKTU	KOD KERTAS	NAMA KERTAS SOALAN	MASA
ISNIN 5 OKTOBER 2015	07:50 pagi — 08:00 pagi	Taklimat Ketua Pengawas kepada calon	10 minit
	08:00 pagi — 10:15 pagi	A01401	Bahasa Melayu Kertas 1	2 jam 15 minit
	10:50 pagi — 11:00 pagi	Taklimat Ketua Pengawas kepada calon	10 minit
	11:00 pagi — 1:30 petang	A01402	Bahasa Melayu Kertas 2	2 jam 30 minit
	02:20 petang — 02:30 petang	Taklimat Ketua Pengawas kepada calon	10 minit
2:30 petang — 4:00 petang	A06401	Pendidikan Islam Kertas 1	1 jam 30 minit	
2:30 petang — 4:00 petang	A07401	Pendidikan Moral Kertas 1	1 jam 30 minit	
SELASA 6 OKTOBER 2015	07:50 pagi — 08:00 pagi	Taklimat Ketua Pengawas kepada calon	10 minit
	08:00 pagi — 09:30 pagi	A09401	Matematik Untuk Teknologi Kertas 1	1 jam 30 minit
	08:00 pagi — 09:30 pagi	A08401	Matematik Untuk Pengajian Sosial Kertas 1	1 jam 30 minit
	10:20 pagi — 10:30 pagi	Taklimat Ketua Pengawas kepada calon	10 minit
10:30 pagi — 12:15 pagi	A02401	Bahasa Inggeris Kertas 1	1 jam 45 minit	
RABU 7 OKTOBER 2015	07:50 pagi — 08:00 pagi	Taklimat Ketua Pengawas kepada calon	10 minit
	08:00 pagi — 10:00 pagi	A05401	Sejarah Kertas 1	2 jam
	10:50 pagi — 11:00 pagi	Taklimat Ketua Pengawas kepada calon	10 minit
	11:00 pagi — 1.00 petang	A11401	Sains Untuk Teknologi Kertas 1	2 jam
11:00 pagi — 1.00 petang	A10401	Sains Untuk Pengajian Sosial Kertas 1	2 jam	

TARIKH	WAKTU	KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MASA
KHAMIS 8 OKTOBER 2015	07:50 pagi – 08:30 pagi	<i>Taklimat Ketua Pengawas Kepada Calon</i>	10 minit
		BAK401 BAK402 BAK403 BAK404	Inventori Penyata Kewangan Pengekosan Sistem Perakaunan Berkomputer	2 jam
		BIN401 BIN402 BIN403 BIN404	Merekabentuk Laman Web Institusi Insurans dan Perlesenan Proses Tuntutan InsuransHayat <i>Intermediate Business Development Functions</i>	2 jam
		BKP401 BKP402 BKP403 BKP404	Persidangan Pengurusan Perjalanan Tugasan Pejabat Perakaunan Berkomputer	2 jam
	08:00 pagi – 10:00 pagi	BPB401 BPB402 BPB403 BPB404	Simpan Kira Dan Perakunan I Aspek Perundangan Bank Aktiviti Jualan Dan Pemasaran II Perkhidmatan Kaunter	2 jam
		BPM401 BPM403 BPM402 BPM404	Campuran Pemasaran Isu-isu Am Promosi Aplikasi Komputer 2	2 jam
		BPP401 BPP402 BPP403 BPP404	Perancangan Kerja Dan Latihan <i>Spreadsheet</i> <i>Business Travel</i> Telekomunikasi Dan Internet	2 jam
		BPR401 BPR403 BPR402 BPR404	Barang Bukan Makanan 2 Aktiviti Pelupusan Dan Pemulangan 1 Aktiviti Pengurusan Stor Dan Penyimpanan 2 Aktiviti Penerimaan Stok 1	2 jam
		HAK401 HAK403 HAK402 HAK404	Penyediaan Makanan Untuk Bayi Perancangan Menu Penyediaan Makanan Untuk Kanak-kanak Taska Penyediaan Makanan Dan Adab Makan	2 jam

TARIKH	WAKTU	KOD KERTAS	NAMA KERTAS SOALAN	MASA
KHAMIS 8 OKTOBER 2015	07:50 pagi — 08:00 pagi	Taklimat Ketua Pengawas kepada calon	10 minit
		HBP401	Frozen Desserts	2 jam
		HBP402	Intermediate Cake Decoration	
		HBP403	Membuat Bun Dan Rol	
		HBP404	Fermented Goods Making	
		HFP401 HFP403 HFP402 HFP404	Pakaian Wanita Hamil Pakaian Sukan Pakaian Pejabat 2 Fashion Styling	2 jam
		HKM401 HKM403 HKM402 HKM404	Pengayaan Rambut 2 Solekan 2 Pengayaan Rambut Menggunakan Bahan Kimia Refleksologi	2 jam
		HPC401 HPC402 HPC403 HPC404	Pelan Kontigensi Pembangunan Keusahawanan Pelancongan Rekreasi Teknik Pengendalian Lawatan	2 jam
		HSK401 HSK402 HSK403 HSK404	Masakan Barat Pengoperasian Dapur II Desert II Kuih Tempatan	2 jam
		GAH401 GAH402 GAH404 GAH403	Penyediaan Herba II Penyediaan peralatan Pengekstrakan Dan Formulasi Herba Pengenalan Kepada Proses Pengekstrakan Herba	2 jam
		GAK401 GAK402 GAK403 GAK404	Pemilihan Tapak Kawalan Kualiti Air Dan Pengurusan Ternakan Penyelenggaraan Ternakan Ladang Pengurusan Hasil Tuaian	2 jam
		GAR401 GAR402 GAR403 GAR404	Kesihatan Ternakan II Penhurusan Pastura Dan Foder II Pengurusan Sisa Ladang 1 Pengurusan Hasil Ternakan Ruminan II	2 jam

TARIKH	WAKTU	KOD KERTAS	NAMA KERTAS SOALAN	MASA
KHAMIS 8 OKTOBER 2015	07:50 pagi — 08:00 pagi	<i>Taklimat Ketua Pengawas kepada calon</i>	10 minit
		GFR401	Penyeliaan Pengurusan Tanaman	2 jam
		GFR403	Pelaksanaan Kerja Penyelenggaraan II	
		GFR402	Penyeliaan Kerja Tuai Dan Pascatuai	
	GFR404	Penghasilan Bunga Kering		
	08.00 pagi – 10.00 pagi	GHH401	Pelaksanaan Kerja Pengurusan Tanaman (Buah, Tanaman Hiasan Sayur) II	2 jam
		GHH402	Pelaksanaan Kerja Pengairan	
		GHH403	Pelaksanaan Kerja Penyelenggaraan II	
		GHH404	Pelaksanaan Kerja Tuai Dan Pascatuai (Buah, Tanaman Hiasan Sayur) II	
		GHP402	Pengurusan Mesin dan Peralatan	2 jam
		GHP401	Penyediaan Bahan	
		GHP403	Pemprosesan Daging, Ayam Dan Ikan	
		GHP404	Operasi Proses Pengeluaran Lanjutan	
		GLK401	Penyelenggaraan Tanaman	2 jam
		GLK402	Pembinaan Landskap II (Kerja Akhir)	
		GLK403	Penyelenggaraan Landskap II (Landskap Kejur)	
		GLK404	Pengurusan Bahan Buangan I	
		GMA401	Membaiki Sistem Elektrik	2 jam
		GMA402	Asas Kimpalan Mig dan Tig	
		GMA403	Membaiki Peralatan Pertanian	
GMA404		Mengendali Traktor		
KPD401	<i>Database Software Installation And Configuration</i>	2 jam		
KPD402	<i>Human Computer Interaction</i>			
KPD403	<i>Structured Query Language (SQL)</i>			
KPD404	<i>Web Programming</i>			

TARIKH	WAKTU	KOD KERTAS	NAMA KERTAS SOALAN	MASA
KHAMIS 8 OKTOBER 2015	07:50 pagi — 08:00 pagi	Taklimat Ketua Pengawas kepada calon	10 minit
	08.00 pagi – 10.00 pagi	KPD401	Database Software Installation And Configuration	2 jam
		KPD404	Web Programming	
		KPD402	Human Computer Interaction	
		KPD403	Structure Query Language (SQL)	
		KSK401	Computer Corrective Maintenance	2 jam
	KSK402	Computer Upgrading		
	KSK403	Computer Network Installation (Part 2)		
	KSK404	Computer Network Maintenance		
	MTA401	Pacuan Manual	2 jam	
MTA402	Penyamanan Udara Kereta			
MTA403	Enjin Diesel			
MTA404	Transmisi Automatik			
WTP401	Kerja Melepa II	2 jam		
WTP402	Kerja Kemasan II			
WTP403	Sistem Sanitari, Saliran Dan Pembentungan			
WTP404	Penyelenggaraan Bangunan			
KHAMIS 8 OKTOBER 2015	07:50 pagi — 08:00 pagi	Taklimat Ketua Pengawas kepada calon	10 minit
	08.00 pagi – 9.30 pagi	KPD401	Database Software Installation And Configuration	1 jam 30 minit
		KPD404	Web Programming	
		KPD402	Human Computer Interaction	
		GAT401	Penyediaan Tapak Semaian Dan Bahan Tanaman II	1 jam 30 minit
		GAT402	Penjagaan Tanaman II	
		GAT403	Membaja Tanaman II	
		GBP402	Penyediaan Larutan Piawai Dan Proses Inokulasi	1 jam 30 minit
		GBP403	Ujian Fizikal	
		GBP404	Analisis Biokimia II	
		GTP401	Pelaksanaan Fungsi Biosekuriti (2)	1 jam 30 minit
		GTP403	Pelaksanaan Program Kesihatan Ternakan Ayam (1)	
		GTP405	Pelaksanaan Fungsi Pentadbiran (1)	
ETE401	Sistem Elektrik Kuasa 2	1 jam 30 minit		
ETE402	Litar Elektronik Kuasa Dan Peranti			
ETE403	Pemasangan Elektrik Industri 2			

TARIKH	WAKTU	KOD KERTAS	NAMA KERTAS SOALAN	MASA
KHAMIS 8 OKTOBER 2015	07:50 pagi — 08:00 pagi	Taklimat Ketua Pengawas kepada calon	10 minit
	08.00 pagi – 09.30 pagi	ETN401	Elektronik Berdigit Dan Aplikasi 2	1 jam 30 minit
		ETN402	Elektronik Kuasa	
		ETN404	Mesin Elektrik Dan Kawalan	
		KRG401	<i>Basic Photography</i>	1 jam 30 minit
		KRG402	<i>Advertising</i>	
		KRG403	<i>Packaging Design</i>	
		MPI401	Mesin Kisar Pertengahan	1 jam 30 minit
		MPI402	Mesin Canai Pertengahan	
		MPI403	Penyelenggaraan Mesin	
		MPP401	<i>Installation For Air-Conditioning</i>	1 jam 30 minit
	MPP402	<i>Diagnose And Repair Air Conditioning System</i>		
MPP403	<i>Automobile Air Conditioning</i>			
MTK401	Proses Kimpalan Arka Gas Logam2	1 jam 30 minit		
MTK402	Proses Kimpalan Arka Gas Tungsten 2			
MTK403	Proses Kimpalan Arka Logam Berperisai 3			
WPK402	Kerja Rawatan Tekanan	1 jam 30 minit		
WPK403	Pembungkusan Produk			
WPK404	Kerja Kemasiapan Kayu			
KHAMIS 8 OKTOBER 2015	10:50 pagi – 11:00 pagi	Taklimat Ketua Pengawas kepada calon	10 minit
	11:00 pagi – 12:00 tengah hari	GAT404	Mengawal Kerosakan Tanaman II	1 jam
		GAT405	Penyelenggaraan Infrastruktur Ladang Dan Jentera Pertanian I	
		GBP401	Penyelenggaraan Dan Penyusunan Laporan Makmal	1 jam
		GBP405	Kawalan Kualiti Piawai	
		GTP402	Pelaksanaan Tugas Harian Ladang (2)	1 jam
	GTP404	Penyelenggaraan Sistem Di Ladang Ternakan Ayam		
KMK401	<i>2D Animation Production</i>	1 jam		
KMK402	<i>Animation Post-Production</i>			

BORANG PENGAKUAN CALON

PERINGATAN

Calon yang melanggar sebarang peraturan pentaksiran dalam Bahagian D: 7. Larangan di Dewan/Bilik Pentaksiran dianggap salah laku dan akan menyebabkan calon dikenakan tindakan tatatertib. Menurut Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Pentaksiran) 1997 dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) salah laku ertinya menipu, menyamar, menyeludup apa-apa yang tidak dibenarkan atau apa-apa salah laku yang lain yang disifatkan sebagai suatu salah laku serius oleh Lembaga Peperiksaan. Calon yang disabitkan dengan mana-mana salah laku boleh dikenakan tindakan berikut:-

- i. keputusan pentaksiran digantung sementara menunggu selesainya penyiasatan;
- ii. keputusan pentaksiran mana-mana kertas pentaksiran dibatalkan;
- iii. keputusan pentaksiran yang dikendalikan di sesuatu pusat pentaksiran diisytiharkan terbatal.

LARANGAN DI DEWAN/BILIK PENTAKSIRAN

Calon dilarang:

- 1 membawa masuk sebarang catatan sama ada pada pakaian atau anggota badan, nota, dokumen seperti buku, lukisan, grafik, akhbar, kamus, kertas, Jadual Waktu Penilaian Akhir serta telefon bimbit, alat-alat komunikasi atau peranti elektronik, bekas alat tulis dan beg ke dalam dewan/bilik pentaksiran kecuali alat tambahan yang dibenarkan semasa pentaksiran.
- 2 menulis nota pada pakaian, anggota badan, dinding atau meja tulis di dewan/bilik pentaksiran.
- 3 mendedahkan kertas pentaksiran atau/dan jawapan pentaksiran sehingga boleh dibaca oleh calon lain.
- 4 memberikan pertolongan, mendapatkan pertolongan, berhubung dengan orang lain di dalam atau di luar dewan/bilik pentaksiran walau dengan apa cara sekalipun yang boleh disabitkan dengan perbuatan salah laku dalam pentaksiran.
- 5 menukar kertas pentaksiran atau/dan jawapan pentaksiran dengan calon lain.
- 6 menukar tempat duduk yang telah ditetapkan tanpa kebenaran daripada Ketua Pengawas Pentaksiran.
- 7 menyamar atau membenarkan orang lain menyamar bagi pihak calon.
- 8 membuat rujukan di luar dewan/bilik pentaksiran semasa pentaksiran.
- 9 membawa kertas pentaksiran keluar dari dewan/bilik pentaksiran semasa pentaksiran.
- 10 membawa kertas/ skrip jawapan pentaksiran sama ada yang belum ataupun yang telah digunakan keluar dari dewan/bilik pentaksiran.

.....

LEMBAGA PEPERIKSAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA SIJIL VOKASIONAL MALAYSIA 2015

1. Nama :
2. Angka Giliran :
3. Nombor Kad Pengenalan :
4. **Pengakuan calon**
Saya mengaku bahawa telah membaca dan akan mematuhi semua Garis Panduan dan Arahan Pentaksiran Sijil Vokasional Malaysia 2015.
Tandatangan Calon :
Tarikh :
5. **Pengesahan Pengarah/Pengetua Institut :**
Tandatangan dan Cap Pengarah/Pengetua Institut :
Tarikh :

NOTA :

1. Calon hendaklah dikehendaki menyerahkan borang pengakuan calon ini kepada Pengarah/Pengetua institut masing-masing.
2. Pengarah/Pengetua hendaklah menyimpan borang pengakuan calon sehingga enam (6) bulan selepas pengumuman keputusan pentaksiran.